

## **PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRA-SEKOLAH: SOLUSI KEPADA MASALAH PENGUASAAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH RENDAH**

**Diyak Ulahman bin Mat Saad<sup>1</sup>, Muhammad Faiz Mukmin bin Abdul Mutalib<sup>2</sup>**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

diyakulahman@kuis.edu.my, faizmukmin@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Bahasa Arab merupakan ilmu yang penting bagi orang Islam. Ini ialah kerana semua sumber ajaran Islam menggunakan bahasa Arab. Di Malaysia, pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua sudah menjadi semakin berkembang (Kamarul Shukri Mat The & Mohd Hazli Yah, 2008). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan berdasarkan banyak tujuan. Tujuan utamanya adalah untuk mendalami agama Islam dan untuk memahami istilah-istilah Arab yang digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Tidak dinafikan, bahasa Arab sebaiknya diajarkan ketika seseorang itu masih kanak-kanak. Malaysia juga telah mengorak langkah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pendidikan termasuklah peringkat prasekolah (Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012). Namun, kajian terdahulu mendapati bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan masyarakat Malaysia umumnya, dan di kalangan pelajar peringkat sekolah rendah khususnya belum mencapai tahap yang membanggakan (Ismail Mohamad, Wan Maizatul Akmar & Azman Che Mat, 2013). Punca kepada masalah ini perlu dikaji secara serius. Antara punca yang dikenalpasti ialah mereka tidak mempunyai latarbelakang asas bahasa Arab yang kuat di peringkat prasekolah. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberikan satu solusi bagi menyelesaikan masalah penguasaan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Ini ialah dengan menerapkan pembelajaran bahasa Arab di peringkat pra sekolah.

Kata kunci: Bahasa Arab, pra sekolah, masalah penguasaan bahasa Arab, sekolah rendah.

## 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa merupakan medium perantara yang utama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam kata yang lain, bahasa merupakan alat komunikasi antara sesama makhluk; manusia mahupun haiwan. Jika dilihat dari sudut fungsi, maka setiap bahasa adalah sama tarafnya. Tiada bahasa yang lebih unggul atau lebih bagus daripada bahasa yang lain. Ini membawa maksud, setiap bahasa mempunyai kesamarataan dalam statusnya. Walaupun demikian, bagi orang Islam, bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk dipelajari dan didalami. Ini ialah kerana semua sumber agama Islam menggunakan bahasa Arab.

Bahasa Arab berasal daripada bahasa Semitik yang muncul dari daerah yang sekarang termasuk wilayah Arab Saudi. Penutur daripada bahasa ini merupakan yang terbesar berbanding bahasa-bahasa yang lain. Bahasa Arab modern telah diklasifikasikan sebagai satu makrobahasa dengan 27 sub-bahasa dalam ISO 639-3 (Ansar Zainuddin, 2016). Berdasarkan populasi penutur bahasa ini ia telah menjadi salah satu bahasa komunikasi utama dunia.

Malaysia juga telah menggorak langkah dalam menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa yang perlu dipelajari. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu subjek elektif bermula daripada peringkat sekolah rendah, kemudian sekolah menengah dan juga universiti di samping sebagai subjek wajib di beberapa fakulti (Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012). Namun, pendekatan ini tampak banyak kekurangan bila melihat pencapaian dan penguasaan pelajar dalam bahasa ini. Tidak dapat dinafikan lagi, penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar maupun mahasiswa amat menyedihkan. Kelemahan dalam menggunakan bahasa ini masih berleluasa.

Menyedari akan masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar maupun mahasiswa, satu solusi perlu dicari dengan segera untuk meningkatkan kembali kedudukan bahasa Arab di kalangan masyarakat Malaysia. Solusi tersebut perlulah mampu menyelesaikan segala permasalahan. Inilah objektif utama kajian ini dilaksanakan. Ia adalah untuk mencari penyelesaian atau solusi bagi masalah kelemahan penguasaan bahasa Arab di kalangan masyarakat Malaysia umumnya dan di kalangan pelajar sekolah rendah khususnya.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah amat membimbangkan terutama dari kalangan ibu bapa. Terutama sekali, ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah rendah agama di mana subjek bahasa Arab merupakan antara subjek yang wajib diambil pada setiap tahun. Kegagalan dalam subjek bahasa Arab di sekolah bukan sahaja menjejaskan prestasi anak-anak mereka di sekolah, malah ia juga menjadikan anak-naka mereka kurang memahami ilmu agama. Ini ialah kerana, setiap ibadah yang dilakukan menggunakan bahasa Arab, seperti apabila membaca al-Quran, bacaan-bacaan doa harian, bacaan-bacaan dalam solat dan sebagainya.

Azani, Azman dan Mat Talib (2012) dalam kajiannya di beberapa sekolah agama di Malaysia mendapati sebahagian daripada pelajar di peringkat menengah masih mempunyai masalah dalam sebutan huruf-huruf tertentu dalam bahasa Arab. Selain itu, mereka juga mempunyai kelemahan dalam menggunakan tatabahasa bahasa Arab yang betul.

Ini ditegaskan lagi oleh Che' Pee Che' Hanafi (1991) yang menyatakan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah adalah kekurangan perbendaharaan kata dan tidak mampu membina struktur ayat dengan baik.

Dalam kajian yang lain pula, Ismail Mohamad, Wan Maizatul Akmar & Azman Che Mat (2013) mendapati bahawa pencapaian pelajar sekolah rendah dalam bahasa Arab adalah pada tahap yang sederhana, iaitu dengan peratusan sebanyak 65.4%. Pelajar-pelajar ini pula merupakan pelajar yang mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab yang kuat sebelum memasuki sekolah rendah.

Bertitik tolak dari hal yang demikian, penulis berpendapat bahawa jika mutu pendidikan dan tahap pencapaian murid dalam bahasa Arab ingin dipertingkatkan, maka bahasa Arab perlu diterapkan bermula daripada peringkat prasekolah lagi iaitu ketika kanak-kanak berumur antara 3-6 tahun. Ini sesuai dengan pepatah Melayu yang berkata 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

### **3.0 KANAK-KANAK BERKEBOLEHAN BERBAHASA**

Kajian saintifik dalam bidang pemerolehan bahasa telah dimulakan sejak kurun ke-16 lagi (Tay Meng Guat, 2006). Pemerolehan bahasa merujuk kepada satu proses perkembangan bahasa manusia. Terdapat perbezaan antara istilah pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa. Pemerolehan bahasa pula dibahagikan kepada dua iaitu, pemerolehan bahasa pertama dan pemerolehan bahasa kedua. Pemerolehan bahasa pertama dihubungkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak manakala pemerolehan bahasa kedua bertumpu kepada perkembangan bahasa orang dewasa. Perkembangan bahasa kanak-kanak pula bermaksud pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak berkenaan (Tay Meng Guat, 2006).

Menurut Piaget, semua kanak-kanak sejak lahir mempunyai kebolehan berbahasa. Hal ini boleh berlaku kerana kanak-kanak telah dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal. Bagi Chomsky dan Miller pula, alat yang khusus ini dikenali sebagai Language Acquisition Device (LAD) yang fungsinya ialah sebagai “Innate Propensity for Language”. LAD dikatakan telah dimiliki oleh setiap anak secara semula jadi dan dengan alat nurani ini kanak-kanak mampu memperoleh bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat (Tay Meng Guat, 2006).

Pemerolehan ayat pula hanya bermula apabila kanak-kanak mampu menyatukan dua kata atau lebih dalam satu frasa atau ayat. Awang Mohd Amin (1979) menegaskan bahawa kanak-kanak yang berumur di antara 1 hingga 5 tahun sedang melauai waktu penguasaan bahasa yang paling kritikal. Sepanjang jangka masa kritikal ini, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda yang didedahkan kepadanya, iaitu bahasa yang diamalkan atau yang didedahkan kepada kanak-kanak sejak dia dilahirkan (Abdul Rasid, 2002).

Bahasa Melayu merupakan bahasa pertama kepada orang Melayu manakala bahasa Cina adalah bahasa pertama kepada orang Cina dan sebagainya. Bahasa pertama ini akan dikuasai oleh individu secara semula jadi melalui proses pemerolehan bahasa. Dalam hal ini, ada ahli bahasa yang berpendapat bahawa proses pemerolehan bahasa tersebut berlaku sejak seseorang itu masih dalam kandungan ibunya. Hal ini bermakna bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal. Kanak-kanak akan terus belajar

bahasa pertama walaupun berada di alam persekolahan di peringkat sekolah rendah atau menengah (Abdul Rasid, 2002).

Kanak-kanak akan memperoleh sesuatu bahasa jika mendapat pengaruh yang tinggi daripada ibu bapa atau dieknali juga dengan konsep motherese. Oleh yang demikian, jika bahasa Arab sudah didedahkan kepada kanak-kanak sejak umur dua tahun lagi, ia akan menjadi mudah bagi kanak-kanak tersebut meneruskan proses pemerolehan bahasa Arab di peringkat-peringkat yang seterusnya; iaitu di peringkat sekolah rendah dan menengah.

#### 4.0 TAHAP PERKEMBANGAN DAN PENGUASAAN BAHASA KANAK-KANAK

Fadzilah Amzah & Nor Hashimah Hashim (2009) meringkaskan tahap perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada jadual di bawah. Tahap ini boleh juga diaplikasikan dengan memberi fokus kepada bahasa Arab.

Aspek penguasaan bahasa	Umur	Kebolehan/perkembangan
1. Aspek Fonologi	2 - 4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Berupaya meniru bunyi, huruf, perkataan dan bunyi binatang, alat mainan, dan sebagainya.</li> <li>▪ Menyebut huruf atau perkataan dengan baik.</li> <li>▪ Seseengah perkataan masuh sukar dibunyikan dengan tepat. Contoh: أَرْبَعَةٌ، ثَمَانِيَةٌ</li> <li>▪ Boleh menyanyikan seni kata lagu dalam gabungan 3-5 patah perkataan, contoh: أمي ربة بيت أمي ربة بيت ما أحلاها...ما أحلاها</li> </ul>
	4-6 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sebutan huruf, perkataan</li> </ul>

		<p>menjadi jelas dan tepat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Boleh menyanyikan seni kata lagu dengan jelas dan terang</li> <li>▪ Berupaya mengulang semula lagu, nyanyian yang diajarkan kepada mereka dengan baik.</li> </ul>
2. Aspek Semantik	2-4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perbendaharaan kata sedang berkembang.</li> <li>▪ Dapat membezakan perkataan, contoh:          أب – أم          أنف – أذن</li> <li>▪ Memahami perkataan abstrak yang dekat dengan mereka, contoh:          هي جميلة          ماء لذيذ</li> <li>▪ Dapat menamakan objek atau benda, contoh:          أرنب، أب</li> <li>▪ Berupaya menyatakan pendapat dan perasaan secara ringkas, contoh:          أنا مريض</li> </ul>
	4-6 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cetusan perbendaharaan kata yang pesat</li> <li>▪ 10,000 perkataan</li> <li>▪ Boleh memahami perkataan, frasa ayat yang abstrak.</li> <li>▪ Berupaya memahami cerita yang</li> </ul>

		<p>disampaikan secara lisan atau pembacaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memahami jalan cerita yang ditonton</li> <li>▪ Berupaya menceritakan semula perkara yang didengar dan diceritakan.</li> <li>▪ Menyanyi dan menghafal seni kata lagu dengan baik.</li> </ul>
3. Aspek tatabahasa	2-4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Berupaya menggabungkan 2-3 perkataan membentuk ayat mudah, contoh: أريد ماء</li> <li>▪ Berupaya menggunakan kata bilangan, kata tempat dan kata adjektif dalam ayat, contoh: في الحمام أسد واحد</li> </ul>
	4-6 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cetusan dalam perbendaharaan kata.</li> <li>▪ Aspek tatabahasa berkembang</li> <li>▪ Boleh bercerita</li> <li>▪ Sudah mula menggunakan unsur tatabahasa dalam pertuturan, contoh: عندي ساعة، أم تطبخ</li> <li>▪ Menghasilkan ayat yang lebih kompleks</li> </ul>

Para pendidik prasekolah harus meneliti setiap tahap perkembangan dan penguasaan bahasa bagi setiap kanak-kanak. Berdasarkan tahap-tahap yang telah disebutkan di atas, para pakar bahasa

Arab harus bina kurikulum dan modul yang bersesuaian. Ini ialah untuk menjadikan proses pembelajaran bahasa Arab semasa di peringkat prasekolah satu proses yang efektif untuk jangka masa yang panjang.

## **KESIMPULAN**

Pembelajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah amat besar peranannya. Ini ialah kerana period kritikal bagi perolehan bahasa adalah pada awal usia kanak-kanak. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat awal kanak-kanak perlu dirancang dengan teliti agar menghasilkan suasana belajar yang menyeronokkan, merangsang daya pemikiran kreatif kanak-kanak, dapat menarik penglibatan kanak-kanak serta menyuburkan sikap positif terhadap bahasa Arab. Penulis berpendapat jika pendedahan bahasa Arab diberikan sejak di awal usia kanak-kanak, masalah penguasaan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah akan dapat diatasi. Implikasi kajian ini kepada pendidikan bahasa Arab adalah besar khususnya berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di awal usia kanak-kanak. Pendidik prasekolah perlu diberi pendedahan mengenai kanak-kanak yang mempelajari bahasa Arab agar pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang diinginkan. Kajian ini telah membuka ruang untuk diterokai bagi kesinambungan penyelidikan tentang pendidikan bahasa Arab di peringkat prasekolah di Malaysia.

## **Rujukan**

Kamarul Shukri Mat The & Mohd Hazli Yah. '*Pendidikan bahasa Arab di Malaysia: Tinjauan literature mengenai tahap penguasaan bahasa*' dalam Digest Pendidik. Jilid 8. Bil 2. 2008. Penang: Universiti Sains Malaysia.

Ismail Mohamad, Wan Maizatul Akmar & Azman Che Mat. '*Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF*' dalam Jurnal of Language Studies. Jilid 2. Bil. 13. 2013. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.



Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. *'Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literature di Negeri Sembilan'* dalam Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab. 2012. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ansar Zainuddin (2016). *Asal Usul Bahasa Arab*. Kumpulan Makalah. 22 Disember 2016. <http://www.kumpulanmakalah.com/2015/11/asal-usul-bahasa-arab.html>

Azani Ismail @ yaakub, Azman Che Mat & Mat Talib Pa. *'Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan alam pengajaran bahasa Arab'* dalam Jurnal of Language Studies. Jilid 1. Bil. 12. 2012. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che' Pee Che' Hanafi. 1991. *Pelajar sekolah menengah agama: cabaran and masa hadapan* dalam Jurnal Pendidikan Islam. Bil 3.

Fadzilah Amzah & Nor Hashimah Hashim. *'Perkembangan bahasa peringkat awal kanak-kanak'* dalam Digest Pendidik. Jilid 9. Bil 9. 2009. Penang: Universiti Sains Malaysia.

Tay Meng Guat. 2006. *'Pemerolehan bahasa kanak-kanak: satu analisis sintaksis'* dalam jurnal penyelidikan IPBL. Jilid 7. 2006. Sarawak: Malaysia.

Abdul Rasid bin Jamian. 2002. *Pemerolehan dan penguasaan sintaksis bahasa Melayu di kalangan*